



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	8/10/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	JMG			

Pasang segera sistem amaran di Gunung Jerai

BH, 8 Okt 2021_22

Yan: Kerajaan Persekutuan diminta memasang segera sistem amaran awal di Gunung Jerai bagi mengelak bencana yang mengakibatkan kemalangan jiwa dan kerosakan harta berulang di daerah ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Guar Chempedak, Datuk Ku Abdul Rahman Ku Ismail, berkata setiap kali hujan lebat, air cepat memenuhi sungai yang mengalir ke kawasan kampung di kaki Gunung Jerai.

Katanya, pemasangan sistem amaran awal itu sekurang-kurangnya mampu memberi peringatan awal jika berlaku fenomena kepala air di kawasan hulu.

"Persoalan timbul dalam kalangan penduduk adakah tragedi kepala air ini akan berlaku lagi, sebab jika berlaku kita tidak ada apa-apa

maklumat (amaran awal) sedangkan negara seperti Jepun mampu memberi amaran awal seperti ribut dan bencana alam kepada penduduknya.

"Sekiranya dipasang sistem amaran, pihak berkuasa boleh memaklumkan kepada penduduk terutama mereka yang tinggal di kaki gunung dan berhampiran sungai untuk bersiap sedia," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan sumbangan wang ihsan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) kepada mangsa banjir lumpur di Masjid Jamek Badlishah, di sini, semalam.

Dalam kejadian fenomena kepala air dan banjir lumpur pada 18 Ogos lalu, enam nyawa terkorban dan lebih 1,000 rumah pendu-

duk di kaki Gunung Jerai di daerah Yan dan Kuala Muda terjejas.

Kelmarin, media melaporkan kerajaan sedang mengkaji bagi melaksanakan sistem amaran awal bagi memberi makluman kepada penduduk supaya dapat bersiap sedia menghadapi bencana banjir.

Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Mansor Othman, berkata pada peringkat permulaan, pihaknya merancang memasang sistem itu di Gunung Jerai, susulan bencana kepala air yang berlaku.

Ku Abdul Rahman yang juga Pengerusi Industri dan Pelaburan, Sains, Teknologi, Inovasi dan Pengajian Tinggi negeri berkata, ketika ini perancangan pembinaan sistem amaran terabit sudah ada dan dijangka membabitkan kos RM4 juta.